



## **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

*Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000

Faks : 603-8888 6021

E-mel : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

Laman Web : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

---

### **KENYATAAN MEDIA**

#### **SEBUTAN KES DERA ANJING *HUSKY***

#### **DI KONDOMINIUM LANDMARK RESIDENCE 1, KAJANG**

**PUTRAJAYA:** Pada 19 Ogos 2024, sebutan kes 'Dera anjing Husky' yang dilaporkan berlaku di Kondominium Landmark Residence 1, Kajang telah dijalankan di Mahkamah Sesyen Kajang. Walau bagaimanapun, semasa prosiding tersebut, Orang Kena Saman (OKS) gagal hadir ke mahkamah bagi mendengar pertuduhan terhadap kes berkenaan dan hanya diwakili oleh peguamnya.

Susulan kegagalan OKS untuk hadir ke mahkamah, Hakim Mahkamah Sesyen Kajang telah mengeluarkan waran tangkap ke atas OKS dan menetapkan tarikh sebutan baharu pada 30 Ogos 2024, jam 9.00 pagi.

Orang ramai dinasihatkan untuk tidak membuat sebarang spekulasi berhubung kes ini sehingga kes ini selesai dibicarakan dan mendapat keputusan mahkamah.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**19 OGOS 2024**